

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jumlah bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan OKU, ibu tunggal, kanak-kanak, warga emas, dan orang miskin antara tahun 2008 sehingga sekarang sama ada jumlah ini cukup dan sekiranya Kerajaan bercadang untuk meningkatkannya dan sekiranya ya, bila. Dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang besar setiap tahun bagi tujuan penyaluran bantuan kebajikan dan perbelanjaan tersebut semakin meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah peruntukan dan penerima Bantuan bagi tahun 2008 sehingga Ogos 2017 adalah seperti berikut:

1. 2008 – RM 371.2 juta (221,602 kes)
2. 2009 – RM 758.8 juta (353,889 kes)
3. 2010 – RM 1.195 bilion (424,526 kes)

4. 2011 – RM 1.352 bilion (473,928 kes)
5. 2012 – RM 1.472 bilion (514,066 kes)
6. 2013 - RM 1.542 bilion (492,676 kes)
7. 2014 - RM 1.461 bilion (492,607 kes)
8. 2015 - RM 1.529 bilion (487,185 kes)
9. 2016 - RM 1.529 bilion (462,322 kes)

Peruntukan yang diterima pada tahun 2017 adalah sebanyak RM1.3 bilion dan perbelanjaan sehingga Ogos 2017 adalah sebanyak RM941,766,818 melibatkan 475,883 kes. Setakat ini peruntukan yang diterima adalah mencukupi. Setiap tahun semua negeri akan membuat unjuran keperluan bantuan kewangan kebajikan masing-masing bagi kes sedia ada dan kes baru dan Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan sepertimana permohonan.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG - DAP]**

SOALAN NO.365

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah fasiliti persukanan yang disediakan oleh Kerajaan di kawasan Parlimen Puchong serta butir-butirnya dan lokasinya. Nyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan fasiliti ini dalam masa terdekat dan sekiranya ya, apakah cadangan berkenaannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah membina 1 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan 2 buah Gelanggang Futsal 1 Mukim yang dibina di bawah RMK9 dan RMK 10 di Parlimen Puchong. Buat masa ini Kementerian tiada perancangan untuk menambah fasiliti sukan baru di Parlimen Puchong.

Sekian, terima kasih.